

KUNCI JAWAPAN

LATIHAN 1

1.	Penulis tidak merindui zaman kanak-kanaknya kerana dia tidak mempunyai keluarga yang bahagia dan kehidupannya serba-serbinya tidak lengkap. (3 markah)
2.	Penulis tidak puas merasakan kasih sayang daripada ayahnya kerana belum sempat dia melafazkan perkataan pertama, ayahnya sudah dikerah pihak tentera untuk menentang musuh. (3 markah)
3.	Abang penulis dikerah kerana ayahnya telah meninggal dunia dalam pertempuran dan menurut undang-undang, semua keluarga perlu menyerahkan seorang anggota untuk berkhidmat kepada tentera. (3 markah)
4.	Sebab yang diberikan ibu penulis ialah Syahir baru berusia 12 tahun dan belum remaja pun. (3 markah)
5.	Pertama, apabila ibu penulis sedang merayu kepada askar-askar itu, Hasan kelihatan seperti dia sedang menikmati tugasannya. Kedua, tanpa mempedulikan tangisan ibu penulis, Hasan terus merampas abang penulis daripada genggamannya ibu lalu membawanya pergi. (5 markah)
6.	Pertama, ibu penulis dahulunya ceria dan tidak pernah berhenti bercerita mengenai apa jua yang terdetik di hati manakala setelah peperangan, ibunya menjadi seorang yang pendiam dan tidak campur orang. Kedua, dahulu ibu rajin memasak dengan sepenuh hati untuk keluarga tetapi setelah peperangan, ibunya sering jatuh sakit dan tidak terlarat menghidangkan penulis walaupun sesuap nasi. (5 markah)
7.	melawan / memerangi (2 markah)
8.	perjuangan / peperangan (2 markah)
9.	sesuai / patut / wajar / dapat diterima akal (2 markah)
10.	akibat daripada sesuatu perkara / kesudahan daripada sesuatu kejadian (2 markah)

LATIHAN 2

1.	Apabila Sulastris sedang bercucuk tanam di taman halaman rumahnya, dia tidak menyarungkan sepasang kasut dan hanya berkaki ayam. (3 markah)
2.	Terdapat sebuah kereta yang tersangkut di tengah-tengah landasan kereta api. Pemandu kereta api tersebut pasti tidak boleh nampak kereta berkenaan, apatah lagi berhenti tepat pada masanya. (3 markah)
3.	Mereka sering berasa keliru tentang keberadaan mereka mahupun apa yang sedang mereka lakukan. (3 markah)
4.	Sulastris kelihatan seperti orang gila terkibai-kibai cuba mengarahkan Nek Mariam keluar daripada kereta. (3 markah)
5.	Pertama, Nek Mariam berfikir beliau berada di jalan raya yang biasa dan ditemani anaknya dalam perjalanan ke sebuah pusat beli-belah berdekatan. Kedua, di mata Nek Mariam, Sulastris kelihatan seperti seorang perompak berbahaya yang sedang berusaha memaksanya keluar dari kereta. (5 markah)
6.	Pertama, Sulastris seorang yang rela berkorban. Buktinya, untuk menyelamatkan Nek Mariam, dia terus pecut menuju ke kereta itu tanpa menghiraukan tulang belakangnya yang sedang beransur pulih daripada kecederaan. Kedua, Sulastris seorang yang fokus dan dapat berfikir dengan pantas. Buktinya, Sulastris tidak mempunyai masa untuk menganalisis apa yang sedang berlaku ataupun memikirkan mengapa Nek Mariam menguncikan pintu keretanya. Malah, Sulastris berjaya menyelitkan tangannya yang kecil daripada celah jendela kereta untuk membuka kunci pintu. (Jawapan lain: Sulastris seorang yang prihatin. Buktinya, dia memeluk Nek Mariam sekuat-kuatnya sementara mereka tergolek ke bawah cerun kerana dia tidak sanggup melihat Nek Mariam terluka.). (5 markah)
7.	enak / tenteram / selesa (2 markah)
8.	baik/sembuh perlahan demi perlahan/sedikit demi sedikit (2 markah)
9.	keadaan kacau-bilau / keadaan tidak tentu arah (2 markah)
10.	lereng bukit yang curam (2 markah)

LATIHAN 3

1.	Sudah lima tahun berlalu sejak kali terakhir Rasyid bertemu dengan neneknya. (3 markah)
2.	Perjalanannya kembali ke tanah air itu agak mencabar kerana itulah pertama kali dia melakukan perjalanan ke luar negara bersendirian. (3 markah)
3.	Singapura sebuah negara yang makmur. (3 markah)
4.	Neneknya amat seronok kerana beliau memang suka dikelilingi makanan dan sanak keluarga. (3 markah)
5.	Pertama, Rasyid merancang untuk meluangkan masa cutinya dengan melawat neneknya yang sedang sakit. Kedua, Rasyid menelefon ibunya untuk memujuk ibunya agar menemui neneknya sebelum terlambat. (5 markah)
6.	Pertama, Rasyid menyedari bahawa sebagai cucu, dialah yang harus mengalah dan menyesuaikan diri dengan keadaan hidup neneknya yang sudah lebih lama makan garam. Kedua, meskipun Rasyid baru sahaja meluangkan masa dengan neneknya, dia sudah pandai memujuk neneknya ketika neneknya sedang dilamun kenangan yang memilukan. (5 markah)
7.	sakit / lemah badan (2 markah)
8.	mewah serba-serbinya; serba cukup; tidak kurang apa-apa (2 markah)
9.	telah lama hidup dan banyak mempunyai pengalaman (2 markah)
10.	tidak panjang; pendek; singkat (2 markah)

LATIHAN 4

1.	Pada mulanya, Zharfan terkejut tetapi kemudian, dia bertukar menjadi berang. (3 markah)
2.	Setelah menyedari perkara yang berlaku, Zharfan terus membalas dengan tumbukan di bahagian mata Hafiz. (3 markah)
3.	Zharfan mengancam untuk menyerang Hafiz sekali lagi dengan mengajukan tapak kakinya ke hadapan muka Hafiz. (3 markah)
4.	Penulis tidak dapat memahami pertengkaran yang sedang berlaku kerana dahulu, Hafiz dan Zharfan sangat akrab bagai isi dengan kuku. (3 markah)
5.	Pertama, Zharfan telah mencuri telefon bimbit dari kedai tempoh hari walaupun Hafiz telah cuba melarangnya. Kedua, apabila ditangkap oleh pengawal keselamatan, Zharfan menuduh Hafiz yang merancang semuanya. (5 markah)
6.	Pertama, penulis pasti ada cara yang baik untuk menyelesaikan masalah itu. Kedua, jika Hafiz dan Zharfan terus bertumbuk antara satu sama lain, salah seorang daripada mereka pasti cedera. (5 markah)
7.	gugup / terkejut / tercengang / tidak dapat berbuat apa-apa (2 markah)
8.	pertengkaran / pergaduhan (2 markah)
9.	rapat / karib (2 markah)
10.	bergerak-gerak ke kiri dan ke kanan (2 markah)

LATIHAN 5

1.	Penulis mengimbas kembali ke masa lalu ketika dia terlihat seorang pegawai polis menggoyang-goyangkan jarinya ke arah seorang budak lelaki. (3 markah)
2.	Penulis hairan kerana dia tak pernah pun melakukan apa-apa yang boleh menggores hati Jariri. (3 markah)
3.	Simptomnya ialah bebola di kelopak mata kucing akan berwarna kuning dan hingus berlendir akan mengalir keluar dari hidung kucing. (3 markah)
4.	Akhirnya, Mimi disuntik oleh doktor agar ia akan mati dan penderitaannya akan tamat. (3 markah)
5.	Pertama, bayam dan kangkung daripada peniaga sayur sebelah habis hangus. Kedua, bulu roma penulis masih rasa melecur akibat letupan mercun dalam peti surat kliniknya. (5 markah)
6.	Pertama, apabila Jariri tiba di kliniknya, dia sepatutnya ingin bertanya padanya tentang perbuatan nakal yang dibuatnya tetapi sejurus melihat kucing tersebut, fikiran itu langsung luput daripada ingatan penulis. Kedua, apabila Jariri memintanya memeriksa Mimi yang sudah tidak boleh jalan langsung, dia terus memandu ke rumah Jariri dengan menaiki keretanya. (5 markah)
7.	menyerah / menyerah diri kepada Tuhan / menyerah nasib kepada Tuhan (2 markah)
8.	menguruskan / mentadbirkan (2 markah)
9.	keadaan hampir mati (2 markah)
10.	sesak nafas (2 markah)